



akan mengalami kekurangan guru-guru terlatih. Kekurangan itu tetap berlaku walaupun tidak begitu ternyata sebagaimana pada hari ini. Ini adalah disebabkan oleh guru-guru berhenti dan bersara, guru-guru Semenanjung yang pulang ke Semenanjung setelah tamat tempoh perkhidmatan mereka di Sabah dan oleh bertambahnya bilangan kanak-kanak yang masuk ke sekolah tiap-tiap tahun. Ketiga-tiga buah maktab yang ada sekarang ini, yang dapat mengeluarkan lebihkurang 400 orang guru terlatih tiap-tiap tahun masih belum mencukupi. Bagi mengatasi kekurangan guru-guru terlatih pada masa akan datang, saya rasa sukacita kerana Kementerian Pelajaran telah merancang untuk memperbesarkan maktab-maktab yang ada dan mendirikan sebuah lagi Maktab Perguruan yang baru untuk menambahkan lagi bilangan penuntut-penuntut.

Kementerian Pelajaran memandang berat tentang kekurangan guru dan juga mengenai guru-guru yang tidak terlatih. Memandang kepada 3 buah maktab perguruan yang ada tidak juga dapat menampung kekurangan guru, maka sebuah lagi maktab di Keningau sedang dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam hal ini saya sungguh gembira kerana Datuk Ketua Menteri bagi pihak Kerajaan Negeri Sabah telah dapat menguruskan hal-hal lain mengenai infra-struktur yang sangat perlu diadakan supaya segala apa yang dirancang tidak tergendala. Mengenai guru-guru yang tidak terlatih yang bilangannya masih banyak lagi di sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan segera agar guru-guru yang telah mengajar lebih daripada 5 tahun, dipilih untuk mengikuti Latihan Kursus Asas dalam masa cuti sekolah selama tiga tahun. Guru-guru ini adalah mengikuti sukatan pelajaran yang sama dengan guru-guru pelatih di maktab dan selepas mereka lulus mereka juga akan mendapat kemudahan-kemudahan yang sama. Untuk maklumat tuan-tuan dan puan-puan, tahun ini sahaja sebilangan 247 orang telah dipilih iaitu 127 orang di Maktab Perguruan Gaya, 61 orang di Maktab Perguruan Sandakan dan 59 orang di Maktab Perguruan Kent. Pada mereka ini saya menaruh kepercayaan penuh agar latihan yang diberi ini akan dapat memberi peluang kepada mereka untuk mempelajari lagi cara mengajar yang lebih teratur.

Kementerian Pelajaran sedar bahawa dengan adanya ramai guru-guru tidak terlatih ini, maka mutu pengajaran sudah tentulah tidak begitu memuaskan. Oleh yang demikian saya telah mengarahkan berbagai-bagai bahagian dalam Kementerian Pelajaran untuk memberi alat-alat bantuan untuk penggunaan dalam bilik darjah seperti yang diberi melalui Radio dan Talivisyen Pendidikan yang semata-mata bertujuan menolong pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Banyak wang telah diperuntukkan dan disalurkan kepada sekolah-sekolah untuk digunakan sepenuhnya demi kepentingan kemajuan murid-murid. Satu lagi faktor yang sentiasa diambil berat oleh Kementerian Pelajaran ialah mengadakan Kursus Dalam Perkhidmatan bagi guru-guru dan pensyarah untuk mengemaskinikan segala perkembangan-perkembangan baru.

Kepada bakal-bakal guru yang sedang berlatih di maktab ini saya berseru agar sentiasa ingat akan tujuan dan hakikat sebenarnya bahawa pelajaran yang diberi kepada kanak-kanak itu adalah bertujuan memperkembangkan keseluruhan keperibadian kanak-kanak supaya menjadi rakyat yang baik dan berguna; dapat berbakti kepada bangsa dan negara; dapat memelihara dan mempertahankan nilai-nilai dan tradisi bangsa kita dan rukun negara kita.

Oleh kerana Kementerian Pelajaran memandang berat peri penting dan luasnya konsep pendidikan bagi negara dan bangsa kita, maka sebuah Tatasusila Perguruan telah digubal guna memberi panduan kepada guru-guru supaya sentiasa ingat dan waspada dalam menjalankan tugas-tugasnya dan tidak menjeleweng dari tujuan sebenar profesyennya itu.

(tambahan)

PEN. 5/77/39 (TPM)  
(hubungan 3)

Untuk mendapat guru-guru mengajar mata-pelajaran sahaja, seperti Ilmu Hisab, Ilmu Alam, Bahasa dan sebagainya, itu tidaklah begitu sukar. Apa yang sukar ialah mendapatkan guru yang bukan sahaja pandai mengajar matapelajaran-matapelajaran tersebut tetapi juga mempunyai minat dan dedikasi yang tinggi dalam profesyennya; yang sedia dengan rela hati mengorbankan masa dan tenaganya mendidik kanak-kanak dengan penuh rasa cinta dan sayang terhadap kanak-kanak yang dididiknya. Kementerian Pelajaran sedang berusaha dengan gigihnya untuk mendapat guru-guru yang berkualiti seumpama itu dengan merancang kursus-kursus dalam perkhidmatan dari semasa kesemasa; menggubal Tatasusila Perguruan dan memperbaiki taraf guru-guru dengan memberi mereka tangga-gaji yang sesuai sepertimana Sekim Gaji Lapuran Kabinet. Saya percaya semua guru-guru sedar akan hal ini dan terpulanglah sekarang kepada guru-guru semua untuk melaksanakan dengan perbuatan dan amalan untuk mencapai cita-cita murni negara kita dalam bidang pendidikan.

Kepada semua guru-guru pelatih yang sedang menjalani latihan di Maktab ini, ingin saya mengucapkan selamat belajar dan selamat bertugas apabila keluar dari Maktab ini kelak. Andai kata pada guru-gurulah terletaklah tanggungjawab untuk menjadikan kanak-kanak yang dididik itu warganegara yang baik dan berguna bagi mencapai hasrat negara ini.

Dengan itu sukacitalah saya, dengan nama Allah yang Amat Pemurah Lagi Amat Mengasihani, mengistiharkan pembukaan Maktab Perguruan Sandakan ini dengan resminya.

KUALA LUMPUR,  
13hb. Mei, 1977  
MAV/abs

(dikeluarkan pada pukul 10.00 pagi)

---